

## **Perpustakaan Kongres Menempatkan Ribuan Buku Bersejarah Secara Online**

**Pembaca di seluruh dunia mendapat akses percuma kepada koleksi Perpustakaan yang besar**

Oleh Sarah Rouse

Penulis Khas

*Pengasas Internet Archive Brewster Kahle telah membuat persediaan untuk imbasan digital di ibu pejabatnya di San Francisco. Alat pengimbas ini sama seperti yang disediakan oleh Internet Archive untuk Perpustakaan Kongres bagi projek pendigitalan buku besar-besaran, membolehkan ia dimuat turun secara percuma dari laman Perpustakaan dan Internet Archive.*

*Buku-buku di atas troli akan diimbas untuk projek pendigitalan buku besar-besaran. Hampir 60,000 buku mengenai sejarah dan genealogi sudah diimbas termasuk kebanyakan buku yang mudah relai apabila dipegang oleh pembaca. Buku-buku ini, yang boleh didapati di Perpustakaan Kongres dan laman web Internet Archive, disimpan di tempat khas di Maryland untuk dipulihara.*

Washington – Hampir 60,000 buku lama yang terlalu tua dan mudah relai apabila dipegang serta dianggap berharga oleh ahli sejarah, penulis dan ahli genealogi telah diimbas secara digital sebagai sebahagian daripada projek pendigitalan perpustakaan terbesar di dunia iaitu Perpustakaan Kongres (LOC). Sesiapa saja yang mahu belajar sejarah awal Amerika Syarikat, atau menjelaki sejarah keluarga mereka, boleh membaca dan memuat turun buku ini secara percuma.

“Pihak Perpustakaan memilih buku yang orang mahu tetapi sudah terlalu tua dan mudah rosak untuk dibaca. Buku-buku ini tidak tahan dipegang,” kata Michael Handy, pengurus bersama projek yang dipanggil *Digitizing American Imprints*.

“Kebanyakan buku-buku ini meliputi tempoh penempatan orang Barat di Amerika Syarikat – 1865-1922 – dan memberikan ahli sejarah maklumat berharga yang selalunya sukar dikesan,” kata beliau. Buku-buku yang diterbitkan sebelum tahun 1923 berada di dalam domain awam di Amerika Syarikat kerana hak ciptanya telah lupus.

Karya tertua dalam kelompok ini bertarikh 1707 dan ia mengenai perbicaraan dua orang paderi Presbyterian di New York. Buku ke-25,000 yang akan didigitalkan adalah buku sejarah kanak-kanak tahun 1902, Kehidupan Abraham Lincoln yang Berani: Pembebasan Agung (The Heroic Life of Abraham Lincoln: The Great Emancipator), disiapkan tepat pada waktunya untuk sambutan ulang tahun ke-200 Lincoln pada 12 Februari 2009.

Buku-buku ini dan buku digital lain boleh didapati melalui laman web katalog Perpustakaan dan Internet Archive (IA), satu pertubuhan bukan berasaskan keuntungan yang bertujuan membina dan memelihara perpustakaan digital secara online percuma.

“Skop dan keluasan Koleksi Perpustakaan ini amat luar biasa,” kata pengasas bersama Internet Archive Brewster Kahle. “Dengan sambungan Internet, anda sekarang boleh memuat turun, mencetak atau menjilidkan salinan buku-buku ini.”

Selain koleksi LOC, IA juga memasukkan kandungan dari institusi lain yang menjadi sebahagian daripada pertubuhan Open Content Alliance, satu konsortium organisasi di seluruh dunia yang berusaha membina sebuah arkib bahan teks digital dan multimedia percuma dalam pelbagai bahasa.

## SEJARAH DAN GENEALOGI

Kebanyakan karya yang didigitalkan mengandungi sejarah regimen Perang Saudara dan maklumat daerah, negeri dan wilayah yang berkaitan dengan tokoh tertentu, pekerjaan dan keluarga mereka, dan perincian lain yang penting bagi ahli sejarah dan genealogi. Untuk karya tahun 1854 oleh David Sutherland bertajuk *Ucapan yang disampaikan kepada penduduk Bath, New Hampshire (Address delivered to the inhabitants of Bath, New Hampshire)*, seorang pembaca menulis, “Saya sukakannya. Dua orang anak saya adalah keturunan lelaki mulia ini. Ramai yang tertarik mengenai kehidupan awal orang Amerika.”

Seorang lagi pembaca mengulas mengenai *Sebab-sebab Perang Saudara Amerika (The Cases of the American Civil War)* oleh Lothrop Motley, diterbitkan pada tahun 1861 ketika perang bermula: “Ini merupakan hadiah menakjubkan untuk kita semua! Kita patut berterima kasih kepada mereka yang terlibat dalam projek gergasi ini yang membuka pintu kepada harta karun sejarah kita. Terima kasih kerana melakukan ini.”

Perpustakaan Kongres telah mendigitalkan banyak lagi koleksinya – lebih daripada 7 juta gambar, peta, rakaman audio dan video, surat khabar, surat dan diari boleh didapati di tapak [Koleksi Digital](#) Perpustakaan, seperti American Memory dan koleksi Global Gateways dalam pelbagai bahasa yang popular – tetapi “ini adalah projek pendigitalan buku berterusan pada volum yang tinggi,” kata Handy.

Internet Archive adalah projek imbasan buku kedua terbesar selepas *Google Books*. Satu subset daripada projek ini adalah Projek Perpustakaan *Google Books*, yang mempunyai perjanjian untuk mengimbas koleksi perpustakaan penyelidikan di seluruh dunia. (Isu undang-undang seperti hak cipta masih menjadi cabaran bagi *Google Books*.)

## CABARAN PENDIGITALAN

Projek pendigitalan LOC dimulakan dengan satu geran dari Yayasan Alfred P. Sloan bernilai \$2 juta. Salah satu objektif geran adalah “untuk menangani beberapa isu projek pendigitalan buku lain yang pada

umumnya cuba dielakkan – contohnya menangani isu buku lama,” kata Handy. “Kita sudah membuat beberapa prosedur penjagaan dan penyelenggaraan untuk membolehkan buku diimbas yang sebelum ini tidak boleh dilakukan.” Perpustakaan ini juga bekerja bersama dengan Internet Archive – yang menyediakan peralatan mengimbas – untuk membina stesyen khas bagi mengimbas bahan-bahan berlipat seperti peta.

Sebelum dan selepas mengimbas, seorang pustakawan memeriksa setiap buku bagi kerosakan – apa yang Handy panggil “pemuliharaan *triage*.” Sepuluh pakar pengimbas duduk di stesyen pengimbas “Scribe.” Di setiap Scribe, dua kamera digital tergantung di atas buku yang terbuka yang berada di atas meja. Pakar akan meletakkan buku pada kedudukan tepat untuk diimbas, mengambil gambar digital dengan pedal kaki, dan menyelak halaman untuk imbasan seterusnya. Pasukan ini boleh mengimbas 1,000 volum seminggu. Beberapa jam selepas imbasan dan pemeriksaan, buku boleh didapati di Internet.

Perpustakaan Kongres mengeluarkan laporan cara-cara terbaik bagi menangani buku yang mudah relai dan bahan berlipat yang akan diletakkan di laman web dan berkongsi dengan Internet Archive dan anggota Open Content Alliance lain “agar ia boleh didapati kepada siapa saja,” tambah Handy.

Buku-buku yang diimbas akan disimpan dalam kemudahan simpanan terkawal di Fort Meade, Maryland, “di mana buku-buku ini tidak akan dibelek lagi dan dipulihara,” katanya.

Agensi-agensi persekutuan yang lain seperti Jabatan Perbendaharaan dan Pejabat Percetakan Kerajaan menghantar buku dan dokumen melalui [pusat pengimbas Perpustakaan Kongres](#). Ia adalah “satu peluang untuk memperlihatkan ketulusan kerajaan,” kata Kahle.

Jumlah muat turun akan dipantau oleh Internet Archive. “Ia sesuatu yang sangat bagus apabila mengetahui sebuah buku Perpustakaan ini telah digunakan berdozen atau beratus kali melalui Internet Archive,” kata Handy. “Lebih banyak dana akan diperlukan untuk meneruskan projek ini. Ini baru permulaan.”

Maklumat lanjut boleh didapati di [video Perpustakaan Kongres](#).